LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
اونيۏرسيتي تيكنولوݢي مارا

12.1.08

TERIMA
19 NOV 2008
Fakulti Sains Pendidikan dan Pengajian Luar

Rujukan : 100-BBI(PW B 9/4/1)(JKP 159/2008)(D 3057)
Tarikh : 23 Oktober 2008

Pengarah Pembangunan Akademik
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA
**40450 SHAH ALAM**

Puan,

**CADANGAN MENGENAKAN SURCAJ KEPADA PELAJAR YANG MENDAPAT GRED YY DAN ZZ DALAM PEPERIKSAAN UNIVERSITI (AGENDA D 3057)**

Dengan segala hormatnya puan dirujuk kepada perkara di atas.

Berikut ialah petikan minit mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan Ke-159 bertarikh 02 September 2008 yang telah disahkan pada 22 Oktober 2008 untuk perhatian dan tindakan puan selanjutnya.

**KEPUTUSAN:**

1. **Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan bersetuju untuk meluluskan kenaan surcaj sebanyak RM100.00 ke atas pelajar UiTM yang mendapat gred/status YY iaitu tidak hadir peperiksaan tanpa kebenaran dan status ZZ iaitu tidak dibenarkan mengambil peperiksaan dalam semua peperiksaan universiti iaitu Peperiksaan Akhir, Peperiksaan Khas dan Peperiksaan Intersesi.**

2. **Pelajar dimestikan membayar surcaj tersebut sebelum mendaftar kursus berkenaan pada semester berikutnya. Tindakan ini adalah untuk memastikan pelajar membayar surcaj yang dikenakan ke atas mereka.**

**Keputusan ini berkuat kuasa mulai Semester Disember 2008.**

Nombor Sijil: KLR 0400283

Sekian, untuk perhatian dan tindakan puan seterusnya.

Yang benar

**SANIP WAHID**
**Bendahari UiTM**

s.k

1. Ketua Timbalan Bendahari
   Bahagian Kewangan Pelajar
   Pejabat Bendahari
   UiTM Shah Alam



2. Dekan
   Fakulti ....................
   UiTM Shah Alam

3. Pengarah Kampus
   UiTM Negeri ..............

TARIKH: 2/11/08

TINDAKAN:

- [x] TD (A)
- [x] TD (SP)
- [x] KP AM225
- [x] KP AM228
- [x] Koord. Pent.
- [x] Koord. Siswazah
- [x] Koord. PLK
- [x] Koord. e-PJJ
- [x] AR (A)
- [x] AR (P)
- [x] EO (A)
- [ ] EO (P)
- [ ] PA Dekan
- [ ] Lain-lain

NOTA: Makluman dan tindakan TJ

Dekan FSPPP